



MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA)
Agensi Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah



**KENYATAAN SEBUT HARGA
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal Bumiputera yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

**SEBUT HARGA CADANGAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN PERLINDUNGAN INSURANS/TAKAFUL PERUBATAN
UNTUK PELAJAR KOLEJ MARA & KOLEJ PROFESIONAL MARA BAGI SESI JULAI & NOVEMBER 2023 SECARA
BERPUSAT**

| NO. SEBUT HARGA | TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN | KOD BIDANG | TARIKH, MASA & TAKLIMAT TAPAK | HARGA SENASKAH DOKUMEN | TARIKH TUTUP SEBUT HARGA |
|-----------------|------------------------------------|------------------|--|------------------------|---|
| 086/2023/0023 | 20/07/2023 hingga 26/07/2023 | 221801 221802 | 27/07/2023 10.00 Pagi Bilik Cempaka, , Tingkat 12, Bahagian Pendidikan tinggi MARA Ibu Pejabat MARA | RM5.00 | 02/08/2023 Hari Rabu (sebelum 12.00 tengah hari) |

2. Tawaran ini dilaksanakan melalui atas talian (online). Oleh itu pembekal **DIWAJIBKAN** membuat pendaftaran syarikat melalui laman web www.sennego.com sebelum menyertai tawaran ini. Sebarang pertanyaan mengenai pendaftaran ini, sila hubungi pusat khidmat pelanggan SENNEGO di talian 03-78854111 atau emel kepada speedhelpdesk@commercedc.com.my
3. Bagi membolehkan pembekal mengakses sistem dan memuat turun dokumen, pembekal boleh mendapatkan No Pin dengan membuat pembelian di Kaunter Tender (Tingkat 2) Ibu Pejabat MARA dan Pejabat MARA Negeri dan memastikan sijil-sijil berikut yang masih sah tempoh:
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan MARA dan MARA berhak menolak permohonan yang pada tanggapan MARA tidak layak.

4. Nombor Pin boleh diperolehi dengan mengemukakan bukti bayaran yang boleh dibuat secara Bank Draf/Kiriman Wang/Debit Card atas nama MAJLIS AMANAH RAKYAT (MARA) serta melalui <https://bayar.maraeps.my> dengan nilai seperti yang tercatat di atas dan wang tidak akan dikembalikan. Pembekal yang telah mendaftar syarikat dengan SENNEGO dan diluluskan untuk menyertai pasaran MARA serta mempunyai kod bidang seperti dinyatakan dibenarkan untuk membuat pembelian No. Pin.
5. Yuran perkhidmatan yang dikenakan kepada pembekal yang berjaya adalah sebanyak 0.4% atau 0.7% bagi setiap transaksi yang disempurnakan daripada nilai invois.
6. MARA tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen Sebut Harga bagi setiap Sebut Harga dan mengemukakan satu (1) tawaran Sebut Harga sahaja. No pin akan diproses oleh pihak MARA pada hari bekerja dan pembekal akan menerima emel makluman apabila no pin telah dijana.
7. Pembekal dikehendaki memuat turun semua dokumen Sebut Harga melalui laman web www.sennego.com mulai 20/07/2023 hingga 26/07/2023. Sebarang pengesahan pelawaan kali pertama selepas 27/07/2023 tidak akan dilayan. Sebarang pertanyaan dan semakan berkaitan Penjanaan No Pin boleh menghubungi Kaunter Tender di talian 03-26132224/32259/32262.
8. Dokumen Sebut Harga boleh dibeli pada waktu pejabat (8.30 pagi - 1.00 petang)/(2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - Khamis, (8.30 pagi - 12.15 tengah hari)/(2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran Sebut Harga tidak akan dijual selepas tempoh ini.

9. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli dokumen dan taklimat tapak. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan semasa taklimat tapak dan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA untuk pengesahan.

10. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
11. MARA tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. MARA berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
12. Dokumen **Sebut Harga (hard copy)** yang telah lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan **No. Sebut Harga** dan **Tajuk Kerja** di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** seperti alamat di bawah :

PENGARAH
BAHAGIAN PENGURUSAN ASET & PEROLEHAN
TINGKAT 2 (Kaunter Tender) LOT 3.15, IBU PEJABAT MARA,
21, JALAN MARA, 50609 KUALA LUMPUR
Pada atau sebelum tarikh tutup Sebut Harga jam 12.00 tengah hari

13. Pembekal juga dikehendaki memuat naik dokumen (*soft copy*) Sebut Harga yang lengkap secara dalam talian (online) sebelum atau pada tarikh tutup Sebut Harga.
14. Dokumen Sebut Harga yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Sebut Harga tidak akan diterima dan ditolak. Maklumat ringkas tawaran di atas boleh dilayari di <http://www.mara.gov.my>
15. Pembekal hendaklah memastikan dokumen (*hard copy*) selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Sebut Harga pada pukul 12.00 tengah hari sekiranya memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.
16. Pembelian dokumen dan penghantaran Dokumen Sebut Harga perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.